

UPM sasar 100,000 pengunjung

KUALALUMPUR 22 Okt. - Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-39 menyasarkan kedatangan pengunjung 100,000 orang ke Bukit Ekspo pada 30 Oktober hingga 4 November ini.

Ketua Pengarah Taman Pertanian Universiti UPM, Prof. Dr. Japar Sidik Bujang berkata, sasaran tersebut relevan memandangkan kepelbagaian aktiviti dan pameran yang disediakan berkonsep pertanian dan ternakan.

Katanya, ekspo kali ini mengetengahkan tema mendepani pertanian bagi membuka peluang kepada pengunjung untuk mengenali dengan lebih dekat berhubung jenis-jenis tanaman, penyelidikan, di samping mempromosi produk-produk tempatan berasaskan pertanian dan ternakan yang diusahakan usahawan kecil dan pelajar-pelajar UPM.

"Insya-Allah, dengan pelbagai aktiviti dan pameran yang disediakan, kami yakin mampu menarik



lebih ramai pengunjung daripada pelbagai peringkat umur untuk datang ke tapak ekspo.

"Pada tahun ini kami menampilkan sedikit kelainan berbanding pameran yang sebelum ini yang mana, pengunjung berpeluang membeli anak benih pokok buah-buahan seperti durian jenis klon D24, D99 (Kop Kecil), D 168 (Hajah Hasmah) dan D197 (Raja Kunyit) dengan harga yang berpatutan serendah RM10

bagi setiap pokok," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM 2015 yang turut dihadiri Penyelidik Bersekutu Institut Biosains, Prof. Dr. Suhaila Mohamed, dekat sini hari ini.

Antara aktiviti-aktiviti sepanjang enam hari ekspo berkenaan berlangsung ialah pameran inovasi penyelidikan, ternakan, jualan hasil pertanian anak benih pokok buah-

buah dan hiasan, klinik pengembangan pertanian, pameran pokok orkid, jentera pertanian, pertandingan melukis, cabutan bertuah, berkayak dan menunggang kuda.

Ekspo berkenaan dibuka secara percuma kepada orang ramai bermula dari pukul 10 pagi hingga 10 malam.

Menurut Japar Sidik, ekspo edisi kali ini turut menyediakan perkhidmatan Klinik Pengembangan Pertanian yang membawakan 12 pakar pertanian untuk membantu dan mendidik masyarakat tentang kaedah dan masalah berkaitan tanaman.

"Di klinik tersebut pengunjung berpeluang melihat dengan lebih dekat mengenai demonstrasi tanaman sayur secara fertigasi dan hidroponik, kaedah pemasangan semula, penanaman sayur secara 'growbag', hiasan flora dan fauna serta penyediaan makanan sihat serta seimbang kepada seluruh ahli keluarga mereka," katanya.



JAPAR SIDIK BUJANG (empat dari kanan) bersama Eksekutif Kreatif Pengurusan Jenama *Utusan Malaysia*, Mohd. Khairul Rahman (empat dari kiri) dalam sidang akhbar sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM di Taman Pertanian Universiti, Serdang, Selangor, semalam. -UTUSAN/SYEFRIY MONIZ